

11 JUL 2002

Abdullah-Mahathir

DR MAHATHIR TINGGALKAN KERAJAAN YANG BAIK DAN STABIL, KATA ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 11 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pernah memberitahunya bahawa kejayaan seseorang pemimpin ialah jika dia dapat meninggalkan sebuah kerajaan yang baik dan stabil apabila tiba masa untuk bersara.

Katanya perkara itu dinyatakan oleh Perdana Menteri dalam satu perbualan dengannya semasa beliau menjadi Menteri Luar dulu.

"Dr Mahathir adalah pemimpin yang berjaya menjadikan Malaysia negara aman dan stabil," kata Timbalan Perdana Menteri ketika merasmikan persidangan perkhidmatan awam ketujuh di Institut Tadbiran Awam Negara di sini.

Abdullah berkata, Dr Mahathir juga komited dalam menentukan peralihan kuasa di negara ini berlaku dengan baik dan tertib dan dalam keadaan suasana politik yang stabil.

Sambil mahirkan rasa terharu kerana dinamakan oleh Dr Mahathir sebagai penggantinya, Abdullah berkata keputusan Perdana Menteri untuk bersara mungkin didorong oleh kejayaannya memulihkan ekonomi negara dan memastikan kestabilan politik terus dinikmati oleh negara.

"Negara kita tidak akan benar-benar maju tanpa kestabilan politik. Kestabilan politik ialah pembuka jalan ke arah menentukan pentadbiran dapat berjalan dengan cekap," katanya.

Dr Mahathir telah mengumumkan hasratnya untuk berundur pada Oktober tahun depan dan telah menamakan Abdullah sebagai penggantinya.

Abdullah berkata tanggungjawab yang bakal dipikul olehnya apabila mengambil alih pimpinan negara nanti adalah sesuatu yang mencabar.

Beliau menghargai segala sokongan yang diberikan oleh pelbagai pihak termasuk oleh Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik, dan berharap pentadbiran awam akan meneruskan perkhidmatan dengan cekap untuk kepentingan negara dan rakyat.

Timbalan Perdana Menteri memuji persatuan itu kerana menganjurkan persidangan kali ini bagi membincangkan isu globalisasi dan cabaran masa depan kerana perkara itu perlu diketahui oleh pihak-pihak yang akan membuat keputusan.

-- BERNAMA

AFY AZZ MAI